



Sari 26 (2008) 27 - 62

## Kelainan Amatan tentang Kebolehterjemahan: Kes Bahasa Cina kepada Bahasa Malaysia

GOH SANG SEONG & MASHUDI KADER

### ABSTRAK

*Rencana ini mengkaji perbezaan amatan penterjemah tentang kebolehterjemahan dan kesannya terhadap pengekalannya mesej dalam terjemahan bahasa Cina kepada bahasa Malaysia. Lima puluh butiran linguistik yang mengandungi pelbagai unsur budaya daripada teks Shui Hu Zhuan, telah dijadikan korpus kajian. Borang penilaian yang mengandungi lima puluh butiran linguistik yang berunsur budaya telah diedar kepada penilai kedua. Mereka adalah pelajar rancangan penterjemahan yang fasih dalam kedua-dua bahasa itu. Analisis kuantitatif mudah dan kualitatif yang dijalankan telah menunjukkan perbezaan amatan tentang tahap kebolehterjemahan setiap butiran linguistik antara pihak peneliti dengan penilai kedua menjadi punca utama wujudnya pelbagai output terjemahan, dan mesej utama dalam teks sasaran tidak begitu berbeza antara yang dihasilkan amatan kebolehterjemahannya oleh individu-individu berlainan.*

*Kata kunci: Amatan, kebolehterjemahan, butiran linguistik-unsur budaya*

### ABSTRACT

*This article analyses the differences in a translators perception on translatability and its effect on the retention of the source message in translations of Chinese language to the Malay language. Fifty linguistic cultural items from the Malay translation of Shui Hu Zhuan have been used as the corpus of this analyses. A questionnaire containing fifty linguistic-cultural forms was administered to a group of students of translating programme and who are proficient in both Mandarin and Malay. A simple quantitative and qualitative analysis on the feedbacks shows that the differences in the perception of the concept of translatability between the one that is held by the researchers and that of the second-raters prove to be the main source of varieties of translation outputs. The principal messages of the target texts are not grossly different between those produced by individuals whose perception of translatability are not the same.*

*Key words: Perception, translatability, linguistic-cultural forms*

## PENGENALAN

Rencana ini meneliti dua perkara yang saling melengkapi: kelainan amatan tentang kebolehterjemahan dan kesan kelainan tersebut ke atas pemindahan mesej teks sumber ke teks sasaran. Sebagai penilai pertama, kami telah meneliti terlebih dahulu penterjemahan lima puluh butiran aspek budaya dalam teks terjemahan *Shui Hu Zhuan* (Hikayat Pinggir Air) terjemahan bersama Lim Chuan Boon, Tan Lai Peng dan Woo Tack Lok, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001. Lima puluh teks dan butiran budaya yang sama (khususnya yang mengandungi aspek-aspek budaya yang berkaitan) kemudiannya telah kami edarkan kepada penilai kedua untuk mendapat pandangan bebas daripada mereka tentang kebolehterjemahan aspek-aspek budaya itu. Mereka ini terdiri daripada dua puluh satu orang pelajar tahun II dan III, ijazah Sarjana Muda Sastera dalam program *Terjemahan dan Interpretasi* (BATI) di Universiti Sains Malaysia (USM) pada semester I, sidang akademik 2006/07. Semua penilai kedua itu mahir dalam Bahasa Mandarin (BMn) dan bahasa Malaysia (BM). Mereka dikehendaki meneliti setiap aspek butiran budaya Cina dalam teks sumber yang diberikan dan diminta memulangkannya dalam tempoh empat belas hari. Dalam ruang yang khas disediakan, mereka dikehendaki memberi pertimbangan sama ada aspek budaya Cina tersebut boleh terjemah atau tidak boleh terjemah dengan menandakan [√] bagi boleh terjemah dan tidak boleh terjemah serta mengemukakan alasan untuk menyokong pandangan mereka. Dalam Jadual 1 berikut telah diberi dua butiran pertama budaya Cina sebagai contoh.

Amatan yang diberi penilai kedua bagi 50 teks dan 50 butiran budaya itu telah dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif mudah<sup>1</sup>, iaitu dalam

JADUAL 1 Contoh Borang Penilai Kedua

Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemah	Tak Boleh Terjemah	Alasan
经过的是...白沙埗...	Tempat-tempat yang mesti dilalui seperti Lembah Pasir Putih....	√		
...带了数十人, 上了 铺马...	...marsyal menaiki kuda perutusan dan membawa ...puluh orang pengikut. <i>Nota kaki: kuda yang dipelihara atau disediakan di Rumah Perhentian Pos sebagai satukemudahan untuk meneruskan atau mempercepat penghantaran surat</i>		√	



bentuk jumlah dan peratusan, manakala alasan tentang kebolehterjemahan aspek budaya BMn-BM yang dikemukakan penilai kedua dianalisis dan dibandingkan dengan dapatan kami (sebagai penilai pertama) dengan menggunakan kaedah kualitatif. Sehubungan itu, penilai kedua telah mengikuti dua kursus teori penterjemahan serta dua kursus amalan penterjemahan dalam pengajian tahun I dan II. Semasa penelitian ini dilakukan, penilai kedua telah didedahkan kepada idea menterjemah daripada Newmark (1988), Larson (1884), Venuti (1992 & 1995), dan ahli teori penterjemahan yang lain. Mereka arif tentang istilah *output* terjemahan, proses penterjemahan dan kebolehterjemahan, selain telah juga mengikuti dua kursus amalan penterjemahan bagi teks sastera dan teks teknikal.

Dalam konteks rencana ini, definisi terjemahan yang berikut telah digunakan: suatu bentuk budaya adalah yang boleh terjemah jika makna bentuk dan makna fungsi yang didukung bentuk budaya dalam bahasa sumber itu dapat diungkapkan kembali dengan sempurna dalam konteks jaringan sociolinguistik komunikasi bahasa sasaran. Definisi ini adalah hampir selaras dengan definisi terjemahan daripada Reiss dan Vermeer (1984:76 dalam Nord 1997:26): “A translation is thus a new offer of information in the target culture about some information offered in the source cultures and language.” Dalam usaha memerikan maklumat dalam budaya bahasa sasaran tentang maklumat budaya bahasa sumber, penterjemah sering menghadapi kekangan yang disebut Vermeer (1986:33) dalam Snell-Hornby (1988:82) yang berbunyi “...translation is not the transcoding of words or sentences from one language to another, but a complex form of action, whereby someone provides information on a text (source language material) in a new situation and under changed functional, cultural and linguistic conditions, preserving formal aspects as closely as possible” Dalam menghadapi masalah seperti ini kami menerima definisi kebolehterjemahan sebagai suatu aspek budaya adalah boleh terjemah apabila kedua-dua makna bentuk dan makna fungsi yang didukung aspek budaya dalam bahasa sumber keseluruhannya dapat diungkapkan kembali dengan sempurna melalui bentuk padanan yang selaras dalam jaringan sociolinguistik komunikasi bahasa sasaran. Dalam konteks itu, output terjemahan dalam bahasa sasaran yang hanya dapat mengungkapkan sebahagian makna bentuk atau hanya sebahagian makna fungsi suatu aspek budaya bahasa sumber kami anggap sebagai tak boleh terjemah.

Pandangan penilai kedua tentang kebolehterjemahan aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM dalam rencana ini akan kami teliti mengikut lima kategori budaya (Newmark 1988) dan kemudian dibandingkan dengan pandangan kami mengikut tajuk berikut:

- Amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya ekologi,
- Amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya material,
- Amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya sosial,
- Amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep,


- Amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya gerak isyarat dan amalan.

## AMATAN PENILAI KEDUA TENTANG KEBOLEHTERJEMAHAN

### BUDAYA EKOLOGI

Dalam Jadual 2 telah ditunjukkan dapatan penelitian kami sebagai penilai pertama dan pandangan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya ekologi BMn-BM.

Daripada sepuluh butiran yang mengandungi aspek budaya ekologi, ada enam belas orang penilai kedua berpendapat kesemua butiran tersebut boleh terjemah, manakala lima orang lagi berpendapat tak boleh terjemah. Daripada catatan Jadual 2, kami juga dapati daripada 10 butiran itu, dua puluh satu orang penilai menyatakan lapan butiran (80%) adalah boleh terjemah, manakala dua butiran (20%) tak boleh terjemah. Mengikut amatan kami, dua 2 butiran (20%) daripada sepuluh butiran itu boleh terjemah, manakala yang selebihnya, iaitu lapan (80%) tak boleh terjemah. Keadaan itu ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



RAJAH 1 Perbandingan antara Dapatan Penulis dengan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Ekologi

Secara perbandingan, nisbah kebolehterjemahan aspek budaya ekologi antara penelitian penulis dan pandangan penilai kedua tentang aspek budaya ekologi yang boleh terjemah adalah 1: 3.75, manakala aspek budaya ekologi yang tak boleh terjemah pula 1: 0.31. Ini menunjukkan perbezaan ketara antara penelitian penulis dengan pandangan penilai tentang kebolehterjemahan budaya ekologi BMn-BM.

Alasan daripada penilai kedua tentang hal itu berbeza-beza, maka tidak konsisten. Jadual 3 berikut menunjukkan sebahagian alasan dan contoh kes yang diberi penilai kedua. (SL = bahasa sumber; TL = bahasa sasaran).

Daripada alasan yang ditunjukkan dalam Jadual 3, ada banyak segi yang berlainan dengan dapatan penelitian kami. Pertama, konsep boleh terjemah dan

JADUAL 2 Perbandingan Penelitian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Ekologi

Bil.	Teks Sumber	Transliterasi	Teks Sasaran	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Boleh Terjemah	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Boleh Terjemah
1.	经过的 是 ... 白 沙垴...	jing guo de shi...bai sha wu....	Tempat-tempat yang mesti dilalui seperti Lembah Pasir Putih....	√	20	√	1
2.	....带了 数十 人, 上 了铺 马....	...dai le shu shi ren, shang le pu ma	...marsyal menaiki kuda perutusan dan membawa puluh angpengikut. <i>Nota kaki:Kuda yang dipelihara atau disediakan di Rumah Perhentian Pos sebagai satu kemudahan untuk meneruskan atau mempercepat pengantaran surat</i>	√	20	√	1
3.	当下地 文星, 箫让对 众头领 说道: [这雪 有数般 各色: 一片的	dang xia di wen xing, xiao rang dui zhong tou ling shuo dao: ze xue you shu ban ge se: yi pian de shi feng	Xiao Rang pun menjelaskan kepada para panglima, "Taburan salji ini dapat disebut dengan nama- nama yang berlainan, Serpihan selembat dimamakan 'anak labah- labah', dua lembar disebut 'bulu angsa', tiga lembar 'tiga segi', empat lembar disebut kelompok empat', lima lembar disebut 'bunga plum' dan enam lembar disebut 'heksagon'. Ia sebenarnya bekuhan	√	21	√	21

(bersambung)

JADUAL 2 (sambungan)

是蜂 儿；二 片的是 鹅毛； 三片的 是攒 三；四 片的是 聚四； 五片唤 做梅 花；六 片唤做 六出。 这雪本 是阴气 凝结， 所以六 出，应 着阴 数。到 立春以 后，都 是梅花 杂片， 更无六 出了。	er; er pian de shi e mao; san pian de shi zan san; si pian de shi ju si; wu pian huan zuo mei hua; liu pian huan zuo liu chu. zhe xue ben shi yin qi ning jie, suo yi liu chu, ying zhe yin shu. dao li chun yi hou, dou shi mei hua za pian, geng wu liu chu le. jin ri sui yi li chun, shang zai dong chun zhi jiao, na xue pian que shi huo wu huo liu.	daripada udara angin. Setibanya musim bunga, salji yang berguguran akan berbentuk bunga plum, dan tiada yang berupa heksagon lagi. Walaupun hari ini baru bermula musim bunga, masih dalam waktu peralihan musim dingin ke musim bunga. Tentu sekali salji berlembar lima atau enam.”
---	--	--

(bersambung)

JADUAL 2 (sambungan)

今日虽 已立春， 尚在冬春 之交，那雪 片却是或 五或六。】				
4. 此时正 是八月 中旬望 前天气， 那轮几 望的明月， 照耀的 如白画一般。	ci shi zheng shi ba yue zhong xun wang qian tian qi, na lun ji wang de ming yue, zhao yao de ru bai hua yi ban.	Ketika itu cuaca sudah masuk ke pertengahan bulan kedelapan, menjelang terbitnya bulan purnama.	√	10
5. 新宰得 一头黄 生，花 糕也似 好肥肉。	xin zai de yi tou huang niu, hua gao ye shi hao fei rou	Ada seekor lembu yang baru disembelih, dagungnya cukup berlemak.	√	2
6. ...用着 十数尾 重十四 五斤的 金色鲤 鱼....	...yong zhe shi shu wei zhong shi si wu jin de jin se li yu.	...memerlukan belasan ekor ikan kap berwarna emas yang beratnya kira-kira 15 kati seekor.	√	3

(bersambung)

JADUAL 2 (sambungan)

7.	...过不 前面的 山冈 去....	...yong zhe shi shu wei zhong shi si wu jin de jin se li yu.	√	20	√	1
8.	...从里 面赶到 槐树下 来....	...cong li mian gan dao huai shu xia lai qiang....		18	√	3
9.	...唉小 喽罗把 马去系 在绿极 树上。	...huan xiao lou luo ba ma xi zai lu yang yang		18	√	3
10.	...也有 剪彩飞 白牡丹 花....	...ye you jian cai fei bai mu dan hua		13	√	8
	Jumlah		2	157/210×21 =16 orang 157/210×10 =8 butiran	8	53/210×21 =5 orang 53/210×10 =2 butiran



JADUAL 3 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Ekologi yang Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Ekologi
1.	Makna fizikal/leksikal SL dapat disampaikan dalam TL	坞 (wu) Lembah dalam (1), 铺马 (pu ma) kuda perutusan dalam (2), 此时正是八月中旬望前天气, 那轮几望的明月, 照耀的如白画一般。(ci shi zheng shi ba yue zhong xun wang qian tian qi, na lun ji wang de ming yue, zhao yao de ru bai hua yi ban). <i>Ketika itu cuaca sudah masuk ke pertengahan bulan kedelapan, menjelang terbitnya bulan purnama</i> dalam (4), 黄牛 (huang niu) lembu dalam (5), 鲤鱼 (li yu) ikan kap dalam (6), 山冈 (shan gang) rabung dalam (7), 槐树 (huai shu) pohon huai dalam (8), 杨树 (yang shu) pokok yang dalam (9), 牡丹 (mu dan) motan dalam (10)
2.	Menepati makna konteks	坞 (wu) Lembah dalam (1), 牡丹 (mu dan) motan dalam (10)
3.	Makna fungsi SL dapat disampaikan dalam TL	坞 (wu) Lembah dalam (1), 山冈 (shan gang) rabung dalam (7), 槐树 (huai shu) pohon huai dalam (8), 杨树 (yang shu) pokok yang dalam (9)
4.	SL yang boleh terjemah ke dalam BI juga boleh terjemah ke dalam BM	坞 (wu) Lembah dalam (1), 鲤鱼 (li yu) ikan kap dalam (6)
5.	Penerangan yang jelas melalui penyertaan nota kaki	铺马 (pu ma) kuda perutusan dalam (2)
6.	Mempunyai konsep yang sama dalam TL	铺马 (pu ma) kuda perutusan dalam (2), 此时正是八月中旬望前天气, 那轮几望的明月, 照耀的如白画一般。(ci shi zheng shi ba yue zhong xun wang qian tian qi, na lun ji wang de ming yue, zhao yao de ru bai hua yi ban). <i>Ketika itu cuaca sudah masuk ke pertengahan bulan kedelapan, menjelang terbitnya bulan purnama</i> dalam (4), 黄牛 (huang niu) lembu dalam (5)
7.	Salah terjemah oleh penterjemah	黄牛 (huang niu) lembu dalam (5)
8.	SL tidak mendukung fungsi budaya	黄牛 (huang niu) lembu dalam (5)
9.	Fungsi budaya yang ada pada SL tidak penting	牡丹 (mu dan) motan dalam (10)

(bersambung)



JADUAL 3 (sambungan)

10.	Konsep budaya dalam SL wujud dalam TL	鲤鱼 (li yu) <i>ikan kap</i> dalam (6), 山冈 (shan gang) <i>rabung</i> dalam (7), 槐树 (huai shu) <i>pohon huai</i> dalam (8), 杨树 (yang shu) <i>pokok yang</i> dalam (9)
11.	Konsep baru yang boleh diperkenalkan ke dalam BM	槐树 (huai shu) <i>pohon huai</i> dalam (8), 杨树 (yang shu) <i>pokok yang</i> dalam (9), 牡丹 (mu dan) <i>motan</i> dalam (10)
12.	Boleh pinjam daripada SL	槐树 (huai shu) <i>pohon huai</i> dalam (8), 杨树 (yang shu) <i>pokok yang</i> dalam (9), 牡丹 (mu dan) <i>motan</i> dalam (10)

persepsi kebolehterjemahan yang dijadikan kayu ukur penulis adalah ... apabila makna leksikal/fizikal dan makna fungsi budaya yang didukung kata budaya BMn dapat disampaikan dalam BM dengan sempurna barulah kata budaya tersebut boleh dikatakan sebagai boleh terjemah. Tetapi, amatan bagi penilai kedua pula adalah asalkan salah satu daripada makna leksikal/fizikal atau makna fungsi budaya sesuatu kata budaya ekologi boleh diterjemahkan kepada BM, kelihatan dianggap sudah memadai untuk dikatakan sebagai boleh terjemah. Kedua, penilai kedua beranggapan kata budaya ekologi BMn yang dapat diterjemahkan ke dalam BM dengan menepati konteks teks sumber dikatakan boleh terjemah, sedangkan penelitian kami mendapati terjemahan BM yang menepati konteks teks sumber BMn telah mengalami pengubahsuaian dalam penterjemahan seperti penyertaan nota kaki dan penerangan yang lebih lanjut dalam bentuk frasa, klausa atau ayat yang lebih panjang. Pengubahsuaian tambahan ini (bagi kami) adalah kerana tidak ada bentuk padanan langsung dalam BM yang selaras sehinggakan penterjemah perlu menggunakan strategi penerangan dan penghuraian yang panjang lebar untuk menyampaikan maksud kata budaya ekologi BMn. Ketiga, penilai kedua mendapati kata budaya ekologi BMn yang mempunyai bentuk padanan dalam bahasa Inggeris (BI) adalah boleh terjemah dalam BM. Amatan itu kurang tepat. Lihat contoh 鲤鱼 (li yu) dalam 6 (Jadual 2) yang mempunyai bentuk padanan dalam BI, iaitu *carp*. Di situ BM telah meminjam padanan ini daripada BI dengan mengubahsuaikan ejaan secara transliterasi berdasarkan fonologi BM kepada *ikan kap*. Walaupun ada padanan 鲤鱼 (li yu) dalam BI dan BM, aspek makna konotasi dan makna budaya yang ada pada 鲤鱼 (li yu) dalam jaringan sosiolinguistik komunikasi BMn, iaitu unsur kemewahan dan unsur kekayaan di dalamnya tidak dapat disampaikan sama ada dalam bentuk padanan *carp* atau bentuk *ikan kap*. Keempat, penilai kedua juga beramatan padanan kata budaya ekologi BMn dikatakan boleh terjemah sekiranya padanan kata budaya itu adalah konsep baru atau pinjaman dalam BM. Konsep baru daripada BMn yang ada dalam BM adalah melalui proses



pinjaman. Apabila ini berlaku, sudah tentu ia dipinjam kerana konsep yang didukung kata budaya itu tidak ada dalam bahasa sasaran dan tak boleh terjemah. Kelima, penilai kedua beramatan fungsi kata budaya yang tidak penting dalam bahasa sumber itu boleh terjemah. Hal ini kurang tepat. Ini sedemikian kerana suatu kata budaya itu berbeza daripada kata biasa kerana makna budayanya. Jika fungsi budaya yang ada pada kata budaya itu dianggap tidak penting, kata itu tidak boleh dianggap sebagai kata budaya, tetapi hanya kata biasa. Selain itu, kata budaya adalah faktor penting yang mewarnai teks agar ia terasa kaya daripada segi estetika dan unik bagi bangsa atau masyarakat yang berkenaan.

Alasan bahawa kata budaya ekologi BMn yang ada dalam BM dan kesilapan penterjemah buku yang dikaji dalam mentafsir makna yang ada pada kata budaya ekologi BM itu telah menyumbang kepada fenomena boleh terjemah yang dikemukakan penilai kedua itu telah kami akui dan terima. Alasan mereka tentang kata budaya ekologi dalam terjemahan BMn-BM yang tak boleh terjemah juga banyak, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Alasan yang diberi tentang kata budaya ekologi BMn yang mengalami masalah tak boleh terjemah ke dalam BM itu sama dengan dapatan kami. Perbezaan antara dapatan penelitian kami dan pandangan penilai kedua itu

JADUAL 4 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Ekologi yang Tak Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Ekologi
1.	Makna fungsi budaya berbeza	这雪本是阴气凝结, 所以六出, 应着阴数。(zhe xue ben shi yin qi ning jie, suo yi liu chu, ying zhe yin shu). <i>Ita sebenarnya bekuan daripada udara angin</i> . dalam (3), 黄牛 (huang niu) <i>lembu</i> dalam (5), 鲤鱼 (li yu) <i>ikan kap</i> dalam (6)
2.	Konotasi tidak kesampaian	这雪本是阴气凝结, 所以六出, 应着阴数。(zhe xue ben shi yin qi ning jie, suo yi liu chu, ying zhe yin shu). <i>Ita sebenarnya bekuan daripada udara angin</i> dalam (3), 此时正是八月中旬望前天气, 那轮几望的明月, 照耀的如白画一般。(ci shi zheng shi ba yue zhong xun wang qian tian qi, na lun ji wang de ming yue, zhao yao de ru bai hua yi ban). <i>Ketika itu cuaca sudah masuk ke pertengahan bulan kedelapan, menjelang terbitnya bulan purnama</i> . dalam (4), 鲤鱼 (li yu) <i>ikan kap</i> dalam (6), 牡丹 (mu dan) <i>motan</i> dalam (10)
3.	Konsep SL tidak wujud dalam TL	这雪本是阴气凝结, 所以六出, 应着阴数。(zhe xue ben shi yin qi ning jie, suo yi liu chu, ying zhe yin shu). <i>Ita sebenarnya bekuan daripada udara angin</i> dalam (3), 槐树 (huai shu) <i>pohon huai</i> dalam (8), 牡丹 (mu dan) <i>motan</i> dalam (10)




berpunca daripada perbezaan amatan kebolehterjemahan yang kami pegang dengan amatan yang sama oleh penilai kedua.

#### AMATAN PENILAI KEDUA TENTANG KEBOLEHTERJEMAHAN BUDAYA MATERIAL

Perbandingan antara dapatan penelitian kami dengan pandangan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya material dalam terjemahan BMn-BM dapat dilihat dalam Jadual 5.

Daripada sepuluh butiran (iaitu 11 hingga 12) dalam Jadual 5 tentang aspek budaya material, sepuluh orang penilai kedua menyatakan aspek budaya material itu boleh terjemah, manakala sebelas orang yang lain mengatakan ia tak boleh terjemah. Daripada jumlah kebolehterjemahan butiran itu, ada dua puluh satu orang mengatakan lima butiran (50%) itu adalah boleh terjemah, manakala selebihnya, iaitu lima butiran (50%) adalah tak boleh terjemah. Setelah dibandingkan, kami dapati ada dua butiran (20%) daripada sepuluh butiran itu boleh terjemah, iaitu tiga butiran (30%) lebih rendah daripada amatan penilai kedua, manakala lapan butiran (80%) adalah tak boleh terjemah, iaitu tiga butiran (30%) lebih tinggi daripada amatan penilai kedua. Nisbah antara dapatan kajian kami dengan amatan penilai kedua tentang aspek budaya material BMn-BM yang boleh terjemah adalah 1:2.3, manakala yang tak boleh terjemah 1:0.68. Kecenderungan ini ditunjukkan dalam Rajah 2:



RAJAH 2 Perbandingan antara Dapatan Penelitian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Material

Ternyata ada perbezaan antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan aspek budaya material BMn-BM. Alasan yang diberi penilai kedua itu telah ditunjukkan dalam Jadual 6 dengan disertakan contoh kesnya.

Setelah diteliti alasan yang diberi penilai kedua itu, kami dapati ada perbezaan amatan mereka dengan penelitian kami. Dapatan kami adalah apabila kedua-dua aspek budaya material BMn yang makna leksikal/fizikal dan makna/

Jadual 5 Perbandingan antara Dapatan Kajian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Material

Bil.	Teks Sumber	Transliterasi	Teks Sasaran	Dapatan Penulis		Penilai		Dapatan Penulis		Penilai	
				Boleh Terjemah	Boleh Terjemah	Boleh Terjemah	Boleh Terjemah	Tak Boleh Terjemah	Tak Boleh Terjemah		
11.	请他归去契碗板刀面。	Qing ta gui qu qi wan ban dao mian.	Mereka dilayani dengan 'mi pisau segi empat bujur'.	√		2				19	
12.	背上雌雄宝剑，肩脾上挂上棕...	bei shang ci xiong bao jian,jian pi shang gua zhe zong li....	Menggantungkan dua bilah pedang sakti di belakang badan. Di bahunya bergantung topi serabut....		√	8		√		13	
13	各持钢刀， <u>大斧，阔，长枪，旗幡</u> ， <u>整齐，队伍</u> ， <u>威严</u> 。	ge zhi gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang, qi fan qi zheng, dui wu wei yan.	...pasukan infantri serba lengkap dengan senjata berperang.	√		9				12	
14.	只见天子... <u>身穿袈裟</u> 想....	zhi jian tian i...shen chuan gun long pao....	...dapat memerhatikan bahawa... maharaja.... Dia berpakaian <i>jubah naga diraja</i> . Cadangan: Nota kaki: <i>Naga sejenis haiwan dalam lagenda Cina yang melambangkan kekuasaan, kewibawaan dan kedaulatan.</i>		√	12		√		9	

(bersambung)

JADUAL 5 (sambungan)

15.	...锁去房里 换了一身素 净衣服....	...suo qu fang li huan le yi shen su jing yi fu....	...meluru masuk ke dalam bilik dan bersalin pakaian berwanar pudar.	15	√	6
16.	...军师吴学 究等六人， 把了接风 酒，都到聚 义厅上....	...jun shi wu xue jiu deng liu ren, ba le jie feng jiu, dou dao ju yi ting shang....	...disambut dengan arak oleh Wu Yong dan lima pemimpin yang lain. Mereka seterusnya berkumpul di Dewan Perhimpunan Setiakawan.	13	√	8
17.	...看见殿上 金碧交辉， 点着龙灯风 烛；两边都 是青衣女 童....	...kan jian dian shang jin bi jiao hui, dian zhe long deng feng zhu; liang bian dou shi qing yi nu tong....	Kelihatan dewan itu bergemerlapan sinar emas dan jed, lilin berbentuk naga dan burung phoenix juga dinyalakan. Selain itu, di kiri dan kanan Dewi tercegat beberapa orang gadis yang berpakaian hijau.	7	√	14
18.	...点起一盏 随身灯。	...dian qi yi zhan sui shen deng.	...menyalakan sebuah pelita di tepi mayat.	6	√	15
19.	那跟来得人 讨了汤桶， 自行烫....	na gen lai de ren taule tang tong, zi ing tang iu....	Pengikut tadi meminta sebuah tong lalu menyuamkan arak sendiri.	11	√	10
20.	燕青弹筓， 各取其乐。	yan qing tan zheng, ge qu qi le.	Yan Qing pula gembira memainkan alat muzik zheng.	14	√	7
	Jumlah			2	97/210×21 =10 orang 97/210×1 =5 utiran	113/210×21 =11 orang 113/210×10 =5 utiran



JADUAL 6 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Material
1.	Terjemahan dalam bentuk penerangan telah menjelaskan maksud SL dalam TL	<b>板刀面</b> (ban dao mian) <i>mi pisau segi empat bujur</i> dalam (11), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17)
2.	Aspek budaya dalam SL sefungsi aspek budaya dalam TL	<b>雌雄宝剑</b> (ci xiong bao jian) <i>dua bilah pedang sakti</i> dalam (12), <b>钢刀, 斧, 阔剑, 长枪</b> (gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang) <i>senjata berperang</i> dalam (13), <b>接风酒</b> <i>jie feng jiu arak</i> dalam (16), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
3.	Makna menepati konteks	<b>雌雄宝剑</b> (ci xiong bao jian) <i>dua bilah pedang sakti</i> dalam (12), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17), <b>随身灯</b> (sui shen deng) <i>pelita di tepi mayat</i> dalam (18), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
4.	Padanan dalam TL sama makna dengan SL	<b>板刀面</b> (ban dao mian) <i>mi pisau segi empat bujur</i> dalam (11), <b>雌雄宝剑</b> (ci xiong bao jian) <i>dua bilah pedang sakti</i> dalam (12), <b>滚龙袍</b> (gun long pao) <i>jubah naga diraja</i> dalam (14), <b>素净衣服</b> (su jing yi fu) <i>pakaian berwarna pudar</i> dalam (15), <b>接风酒</b> (jie feng jiu) <i>arak</i> dalam (16), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
5.	Makna fizikal TL sama dengan SL	<b>滚龙袍</b> (gun long pao) <i>jubah naga diraja</i> dalam (14), <b>素净衣服</b> (su jing yi fu) <i>pakaian berwarna pudar</i> dalam (15), <b>接风酒</b> (jie feng jiu) <i>arak</i> dalam (16), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
6.	Makna konteks dalam TL menjelaskan lagi makna padanan	<b>钢刀, 斧, 阔剑, 长枪</b> (gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang) <i>senjata berperang</i> dalam (13)
7.	Konotasi SL tidak penting	<b>素净衣服</b> (su jing yi fu) <i>pakaian berwarna putih</i> dalam (15), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)

fungsi budaya yang dapat diterjemahkan ke dalam BM sahaja yang dikelaskan sebagai boleh terjemah sesuai dengan definisi yang diberi pada awal rencana ini. Tetapi, bagi penilai kedua, asalkan mana-mana bahagian makna leksikal/fizikal butiran budaya material BMn dapat diungkapkan kembali kepada BM, ia sudah dikelaskan sebagai boleh terjemah.

Mereka menganggap kata budaya material yang boleh diterjemah dalam bentuk catatan tambahan penerangan sebagai boleh terjemah. Ini berbeza dengan





pendirian kami yang menganggap terjemahan dalam bentuk penerangan dapat diguna dalam output terjemahan hanya apabila tidak ada bentuk padanan langsung dalam bahasa sasaran. Sehubungan itu, penterjemah terpaksa menggunakan huraian dan penjelasan yang panjang lebar untuk menyatakan konsep budaya BMn kepada BM. Bagi kami apabila ini berlaku, kata budaya berkenaan adalah yang tak boleh terjemah.

Mereka juga mengamati kata budaya material yang sefungsi atau selaras dalam BMn dan BM adalah antara punca boleh terjemah. Walaupun pernyataan itu benar, tetapi bukan kesemua kes yang dikatakan sefungsi oleh penilai kedua itu adalah benar. Misalnya, 雌雄宝剑 (ci xiong bao jian) *dua bilah pedang sakti* dalam (12), Jadual 5, 接风酒 (jie feng jiu) *arak* dalam (16), Jadual 5, dan 箏 (zheng) *alat muzik zheng* dalam (20), Jadual 5, dikatakan mempunyai bentuk padanan sefungsi dalam BM itu tidak benar. Bagi kami, hal ini sedemikian kerana setiap kes mempunyai konsep budaya dan makna konotasinya yang tersendiri dan tidak pula diamalkan serta tidak terdapat dalam jaringan sosiolinguistik komunikasi masyarakat penutur BM.

Selanjutnya mereka mendapati aspek budaya material BMn yang diterjemah kepada BM boleh terjemah sekiranya makna konteks kehadiran aspek budaya tersebut dalam BMn dapat disampaikan dalam BM atau konteks dalam BM dapat menjelaskan makna yang didukung kata budaya material BMn. Dakwaan ini terkeluar daripada definisi kebolehterjemahan pada awal rencana ini. Ia berlainan dengan dapatan kami. Bagi kami, apabila diperlukan huraian makna di samping output terjemahan itu, sudahlah terbukti bahawa butiran budaya itu adalah tak boleh terjemah kerana tidak ada bentuk padanan langsung. Hasilnya, penterjemah terpaksa menjelaskan maksud asal teks sumber melalui makna konteks dalam bahasa sasaran.

Mereka juga mengamati konotasi dalam bahasa sumber yang tidak penting menyebabkan kata budaya material BMn tak boleh diterjemahkan kepada BM. Ini juga tidak selaras dengan definisi kami tentang kebolehterjemahan. Bagi kami, konotasi yang mempengaruhi makna budaya material adalah penting. Sehubungan itu, penelitian kami menunjukkan hanya kata budaya material yang tidak mempunyai konotasi budaya lebih itu cenderung mengalami keadaan boleh terjemah. Tetapi, alasan penilai kedua tentang adanya bentuk padanan dalam bahasa sasaran yang sama maknanya dengan kata budaya material dalam bahasa sumber menyebabkan kata budaya material BMn tersebut adalah boleh terjemah itu serupa dengan penilitain kami. Kes 板刀面 (ban dao mian) *mi pisau segi* yang diterjemahkan kepada *empat bujur* dalam (11), Jadual 5, menjelaskan dakwaan ini. Seterusnya, dalam Jadual 7 sudah disenaraikan alasan yang diberi penilai kedua tentang budaya material BMn yang mengalami masalah tak boleh terjemah kepada BM:

Alasan yang diberi itu sama dengan penelitian kami. Perbezaan kami berpunca daripada perbezaan fahaman tentang amatan atau definisi kebolehterjemahan





JADUAL 7 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Material yang Tak Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Material
1.	Fungsi budaya dalam SL tidak kesampaian dalam TL	<b>板刀面</b> (ban dao mian) <i>mi pisau segi empat bujur</i> dalam (11), <b>雌雄宝剑</b> (ci xiong bao jian) <i>dua bilah pedang sakti</i> dalam (12), <b>钢刀, 斧, 阔剑, 长枪</b> (gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang) <i>senjata berperang</i> dalam (13), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
2.	SL mengandungi makna konotasi	<b>板刀面</b> (ban dao mian) <i>mi pisau segi empat bujur</i> dalam (11), <b>雌雄宝剑</b> (ci xiong bao jian) <i>dua bilah pedang sakti</i> dalam (12), <b>接风酒</b> (jie feng jiu) <i>arak</i> dalam (16), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17)
3.	Hanya dapat menyampaikan makna fizikal sahaja	<b>钢刀, 斧, 阔剑, 长枪</b> (gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang) <i>senjata berperang</i> dalam (13), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17), <b>汤桶</b> (tang tong) dalam (19), <b>筝</b> (zheng) <i>alat muzik zheng</i> dalam (20)
4.	Tidak ada padanan langsung	<b>钢刀, 斧, 阔剑, 长枪</b> (gang dao, da fu, kuo jian, chang qiang) <i>senjata berperang</i> dalam (13)
5.	Makna SL disalahtafsirkan	<b>滚龙袍</b> (gun long pao) <i>jubah naga diraja</i> dalam (14)
6.	Konsep budaya dalam SL tidak wujud dalam TL	<b>素净衣服</b> (su jing yi fu) <i>pakaian berwanar putih</i> dalam (15), <b>接风酒</b> (jie feng jiu) <i>arak</i> dalam (16), <b>龙灯凤烛</b> (long deng feng zhu) <i>lilin berbentuk naga dan burung phoenix</i> dalam (17), <b>随身灯</b> (sui shen deng) <i>pelita di tepi mayat</i> dalam (18)

#### AMATAN PENILAI KEDUA TENTANG KEBOLEHTERJEMAHAN BUDAYA SOSIAL

Jadual 8 menunjukkan perbezaan dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya sosial BMn kepada BM.

Berdasarkan penelitian ke atas Jadual 8, ada lima belas orang daripada dua puluh satu orang penilai kedua mendapati budaya sosial BMn adalah boleh terjemah kepada BM, sedangkan hanya enam orang menganggap budaya sosial BMn mengalami masalah tak boleh terjemah kepada BM. Daripada segi kebolehterjemahan sepuluh butiran kumpulan ini, tujuh butiran (70%) adalah boleh terjemah, bakinya iaitu tiga butiran (30%) adalah tak boleh terjemah.



JADUAL 8 Perbandingan antara Dapatan Kajian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Sosial

Bil.	Teks Sumber	Transliterasi	Teks Sasaran	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah
21.	净发人 把一周 遭都剃了...。	jin fa ren xian ba yi zhou zao dou ti le....	Tukang cukur pun mula mencukur semua rambut di kepala.	√	17	√	4
22.	段氏兄 弟，向 本州接 得个粉 头，搭 铁台， 说唱诸 般品。	Duan shi xiong di, xiang ben zhou jie de ge fen tou, ta tie tai, shuo chang zhu ban pin tiao.	...adik-beradik keluarga Duan telah mendirikan sebuah pentas persembahan. Kemudian seorang pelacur tempatan dipelawa untuk menghiburkan hati. Kononnya dia pandai menyanyi dan berdendang.	√	11		10
23.	此间有 个财主....。	chi jian you ge cai zhu....	Di tempat ini ada seorang tuan tanah....		13	√	8
24.	只在东 京城里 城外帮 闲。	zhi zai dong jing cheng li cheng wai bang xian.	Dia cuma dapat mencari hidup sebagai penghibur di kalangan orang kaya-raya, dan berpangkat sama ada di dalam atau di luar ibu kota.		10	√	11

(bersambung)

JADUAL 8 (sambungan)

*Nota kaki: orang yang diupah oleh pembesar atau orang kaya. Kerja penghibur ialah membantu sambil menemani tuannya bersenang atau bersuka ria dengan beraneka jenis hiburan.*


25. ...金老下来...分付那个婊子,一面烧着火。	...jin lao xia lai...fen fu na ge ya huan, yi mian shao zhe huo.	17	√	4
26. ...酒家情愿做了和尚,专靠员外照管。	...jiu jia qing yuan zuo le he shang, zhuan kao yuan wai zhao guan.	13	√	8
27. 我的哥哥,又在别人家做长工....	Wo de ge ge, you zai bie ren jia zuo chang gong....	20	√	1
28. ...养娘扶娇秀上轿....	...yang niang fu qiao xiu shang jiao....	14	√	7

(bersambung)

JADUAL 8 (sambungan)

29.	...唤个文 笔匠刺 了面颊....	...huan ge wen bi jiang ci le mian e....	Tukang tatu disuruh datang membuat tatu tulisan mengenai kesalahannya....	16	√	5	
30.	...只见府 西街 上, 走 来一个 卖卦先生。	...zhi jian fu xi jie shang, zou lai yi ge mai guo xian sheng.	Kelihatan seorang ahli nujum datang menghampiri dari arah barat pejabatnya.	16	√	5	
			Jumlah	2	147/210×21 =15 orang 147/210×10 =7 butiran	8	63/210×21 =6 orang 63/210×10 =3 butiran

Dalam penelitian kami, dua butiran (20%) daripada sepuluh butiran tersebut yang boleh terjemah, manakala lapan butiran lain (80%) adalah tak boleh terjemah. Nisbah antara penelitian kami dengan pendapat penilai kedua adalah 1:3.5, dan nisbah penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang aspek budaya sosial yang tak boleh terjemah adalah 1:0.38. Perbezaan ini telah ditunjukkan dalam Rajah 3:



RAJAH 3 Perbandingan antara Dapatan Penelitian Penulis dengan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Sosial

Memang ada perbezaan antara penelitian kami dengan penilai kedua tentang kebolehterjemahan budaya sosial dalam terjemahan BMn-BM. Penilai kedua telah memberi alasan yang berbeza-beza seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Perbezaan antara kami dengan penilai kedua yang ditunjukkan dalam Jadual 9 ada banyak penyebabnya. Pertama, perbezaan fahaman tentang definisi kebolehterjemahan. Bagi kami, apabila kedua-dua makna leksikal/fizikal dan makna budaya/fungsi yang ada pada aspek budaya bentuk BMn dapat diungkapkan kembali dalam BM barulah bentuk berkaitan dianggap sebagai yang boleh terjemah. Tetapi, penilai kedua mendapati asalkan makna leksikal suatu bentuk atau fungsi budaya yang dapat disampaikan ke dalam teks sasaran, ia sudah dianggap sebagai yang boleh terjemah. Ternyata fahaman penilai kedua ini lebih liberal sifatnya. Kedua, penilai kedua juga mendapati maksud aspek budaya BMn yang dapat diterjemahkan kepada BM dalam bentuk nota kaki atau maksud terjemahan yang dapat menepati konteks teks sumber boleh dikatakan sebagai sudah boleh terjemah. Amatan ini tidak selaras dengan pegangan kami. Bagi kami, apa juga output terjemahan melalui penerangan tambahan dalam bentuk nota kaki mahupun yang menepati konteks teks sumber adalah keterangan ketakbolehterjemahan bentuk tersebut. Semua huraian maksud yang panjang lebar atau penyampaian maksud asal melalui bantuan kehadiran konteks dan bukannya secara terjemahan terus adalah keterangan ketakbolehterjemahan. Tetapi, alasan bahawa konsep budaya teks sumber dapat disampaikan ke dalam teks sasaran yang diberi penilai adalah selaras dengan dapatan kami. Kebolehsampaian konsep budaya ini berlaku disebabkan adanya konsep budaya yang sama dalam BMn dan BM.

JADUAL 9 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Sosial yang Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Sosial
1.	TL menepati konteks SL	净发人 (jin fa ren) <i>tukang cukur</i> dalam (21), 粉头 (fen tou) <i>pelacur</i> dalam (22), 财主 (cai zhu) <i>tuan tanah</i> dalam (23), 员外 (yuan wai) <i>tuan tanah utama</i> dalam (26), 长工 (chang gong) <i>buruh</i> dalam (27)
2.	Makna leksikal/fizikal SL dapat disampaikan ke dalam TT	粉头 (fen tou) <i>pelacur</i> dalam (22), 财主 (cai zhu) <i>tuan tanah</i> dalam (23), 长工 (chang gong) <i>buruh</i> dalam (27), 文笔匠 (wen bi jiang) <i>tukang tatu</i> dalam (29)
3.	Konsep budaya SL dapat disampaikan ke dalam TT	财主 (cai zhu) <i>tuan tanah</i> dalam (23), 文笔匠 (wen bi jiang) <i>tukang tatu</i> dalam (29)
4.	Fungsi budaya SL dapat disampaikan ke dalam TT	净发人 (jin fa ren) <i>tukang cukur</i> dalam (21), 粉头 (fen tou) <i>pelacur</i> dalam (22), 财主 (cai zhu) <i>tuan tanah</i> dalam (23), 养娘 (yang niang) <i>babu</i> dalam (28), 文笔匠 (wen bi jiang) <i>tukang tatu</i> dalam (29), 卖卦先生 (mai guo xian sheng) <i>ahli nujum</i> dalam (30)
5.	Penerangan dalam nota kaki membolehkan maksud budaya SL disampaikan ke dalam TT	帮闲 (bang xian) <i>penghibur di kalangan orang kaya-raya, dan berpangkat</i> dalam (24)

Selanjutnya dalam Jadual 10 telah dicatat alasan daripada penilai tentang aspek budaya sosial yang tak boleh terjemah.

JADUAL 10 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Sosial yang Tak Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Sosial
1.	Kata budaya sosial BMn mempunyai makna konotasi	帮闲 (bang xian) <i>penghibur di kalangan orang kaya-raya, dan berpangkat</i> dalam (24), 娅鬟 (ya huan) <i>gadis pembantu rumah</i> dalam (25), 长工 (chang gong) <i>buruh</i> dalam (27), 文笔匠 (wen bi jiang) <i>tukang tatu</i> dalam (29)
2.	Fungsi budaya BMn yang tidak wujud dalam padanan BM	帮闲 (bang xian) <i>penghibur di kalangan orang kaya-raya, dan berpangkat</i> dalam (24)
3.	Konsep budaya BMn adalah berbeza dengan konsep BM	帮闲 (bang xian) <i>penghibur di kalangan orang kaya-raya, dan berpangkat</i> dalam (24), 养娘 (yang niang) <i>babu</i> dalam (28), 文笔匠 (wen bi jiang) <i>tukang tatu</i> dalam (29)



Ketiga-tiga alasan itu selaras dengan dapatan penelitian kami. Perbezaan fahaman tentang definisi kebolehterjemahan antara penelitain kami dan amatan penilai kedua tentangnya telah menyebabkan perbezaan pertimbangan boleh terjemah atau tak boleh terjemah.

#### AMATAN PENILAI KEDUA TENTANG KEBOLEHTERJEMAHAN BUDAYA ORGANISASI, ADAT RESAM, AKTIVITI, PROSEDUR, KONSEP

Dalam Jadual 11 telah ditunjukkan perbezaan antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan aspek budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep dalam terjemahan BMn-BM.

Dua belas orang penilai kedua mendapati budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep adalah boleh terjemah. Hanya sembilan orang penilai kedua mendapati unsur budaya tersebut tak boleh terjemah. Daripada sepuluh butiran dalam Jadual 11, jumlah aspek budaya jenis ini yang boleh terjemah adalah lebih tinggi daripada jumlah aspek yang sama yang tak boleh terjemah; iaitu, yang boleh terjemah ialah enam butiran (60%), manakala yang tak boleh terjemah ialah empat butiran (40%). Kecenderungan ini dapat ditunjukkan melalui Rajah 4 berikut:



RAJAH 4 Perbandingan antara Dapatan Kajian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep

Setelah dibanding, nisbah budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep yang tak boleh terjemah antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua ialah 1: 0.11. Oleh sebab dapatan penelitian kami menunjukkan tidak ada satu pun aspek budaya jenis ini yang boleh terjemah, maka tidak ada nisbah yang dapat dihitung. Namun, ada perbezaan antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12 dengan disertakan contoh yang berkaitan.

Alasan penilai kedua adalah seperti berikut. Pertama, makna budaya yang dapat disampaikan dalam nota kaki sudah menunjukkan bahawa kata budaya tersebut sudah boleh terjemah. Kedua, fungsi, konsep dan konotasi budaya

JADUAL 11 Perbandingan antara Dapatan Penelitian Penulis dengan Amatan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep

Bil.	Teks Sumber	Transliterasi	Teks Sasaran	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah	Dapatan Penulis Tak Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah
31.	...先烧 了一陌 顺溜 纸,便 叫庄客 去请这 当村里 三四百 史家庄 客....	...xian shao le yi mo shun liu zhi, bian jiao zhuang ke qu qing zhe dang cun li san si bai shi jia zhuang ke....	Kemudian dia membakar seratus helai kertas replika wang emas dan perak sebagai pemujaan selamat. Setelah selesai, dia mengarahkan buruh-buruhnya pergi menjemput penduduk Desa Shi datang berhimpun.... <i>Nota kaki: wang tiruan bagi wang emas dan wang perak yang dibuat daripada kertas. Seikat kertas replika wang tersebut mengandungi kira-kira 100 keping. Mengikut kepercayaan karut masyarakat Cina, apabila hendak melangsungkan sesuatu upacara, eloklah dibakar kertas replika wang emas dan perak sebagai sumbangan kepada dewa atau hantu supaya kerja upacara berkenaan dapat diadakan dengan licin dan selamat.</i>	√	14	√	7
32.	...只是 俗缘未尽, 要还杀生 之债...。	...zhi shi su yuan wei jin, yao huan sha sheng zhi zhai....	...akan tetapi urusan dunia sekularnya belum lagi diselesaikan, malah hutang darah daripada pembunuhan perlu dibayarinya.	√	12	√	9

(bersambung)



## JADUAL 11 (sambungan)

33.	...明日 早要去 烧灶头 查。	...ming ri zao yao qu shao zhu tou xiang.	Jadi pagi esok kami akan pergi menyalaikan colok yang pertama. <i>Nota kaki: Dalam sesuatu hari, colok yang paling awal dinyalakan di kuil. Ini merupakan suatu cara untuk membuktikan hati pemuja yang jujur dn khusyuk.</i>	19	√	2
34.	土克水, 金克木, 火克金, 水克火, 木克土	tu ke shui, jin ke mu, huo ke jin, shui ke huo, mu ke tu	unsur tanah mengatasi air, unsur emas mengatasi kayu, unsur api mengatasi emas, unsur air mengatasi api, unsur kayu mengatasi tanah	9	√	12
35.	昨夜灯 花报, 今早喜 鹊噪, 不想却 是贵兄 来。	zuo ye deng hua bao, jin zao xi que zao, bu xiang que shi gui xiong lai	Semalam bunga cahaya pelita membawa alamat, pagi ini murai berkicau mendatangkan khabar. Rupa-rupanya abang yang mulia ini datang bertandang. <i>Nota kaki: Mengikuti kepercayaan karut zaman silam, jika bunga cahaya pelita itu menjulang naik seperti bentuk setangkai padi, itulah alamat tetamu dari jauh akan datang berkunjung. Jika murai bising berkicau pada awal pagi, itulah tandanya ada orang yang merantau 10 akan kembali.</i>	15	√	6
36.	我看这 贼配 军, 满 脸都是	Wo kan zhe zei pei qun, man lian dou shi e wen, yi shi ye bu fa ji!	Banduan celaka yang kena buang negeri, aku nampak pada muka kau penuh dengan garis lapar, sepanjang hayat ini kau tak mungkin menjadi kaya-rya!	10	√	11

(bersambung)

JADUAL 11 (sambungan)

<p>饿文， 一世也 不发 迹！</p>	<p><i>Nota kaki: Ahli nujum atau tukang tilik nasib pada zaman dahulu percaya bahawa jika seseorang mempunyai garis kiri kanan di bawah hidung yang menganjur sehingga sampai ke bibir atau mulut, maka orang itu akan mati kelaparan. Oleh sebab itu garis ini disebut garis lapar.</i></p>			
<p>37. ...只见 一道黑 气，从穴 里滚将 起来...。</p>	<p>...lihatan keputulan gas hitam bergumpalan dan terpancut keluar dari liang....</p>	12	√	9
<p>38. 老子今 世不能 报答， 后世做 驴做马，报 答押司。</p>	<p>Nampaknya aku tak mampu membalas budi tuan sepanjang hidup aku kali ini, maka dalam hidup aku seterusnya, aku rela menjadi keldai atau kuda semata-mata nak membalas budi tuan!</p>	12	√	9
<p>39. 灵光一点， 价值千金， 佛法广大， 赐名智深。</p>	<p>suatu pancaran cahaya dari roh, lebih bernilai daripada emas seribu. Lautan pengajaran Buddha luas dan dalam, maka Zhishen (Akal budi yang dalam) itu nama sami yang dianugerahkan.</p>	10	√	11

(bersambung)

JADUAL 11 (*sambungan*)

40.	...behou xu duo dian 许多殿 帅统制 官, 统 军提 辖, 兵 马防备 团练等 官, 参 随在后。	...bei hou xu duo dian shuai tong zhi guan, tong jun ti xia, bing ma fang bei tuan lian deng guan, can sui zai hou.	Di belakangnya ialah para pegawai tinggi kerajaan yang lain.	9	√	12
			Jumlah	0	122/210×21 = 12 orang 122/210×10 = 6 butiran	10
					88/210×21 = 9 orang 88/210×10 = 4 butiran	



JADUAL 12 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep yang Boleh Terjemah

Bil.	Alasan prosedur, konsep	Contoh Budaya organisasi, adat resam, aktiviti,
1.	Maklumat budaya dapat diungkapkan melalui nota kaki	顺溜纸 (shun liu zhi) kertas replika wang emas dan perak sebagai pemujaan selamat dalam (31), 头香 (tou xiang) colok yang pertama dalam (33), 饿文 (e wen) garis lapar dalam (36)
2.	Fungsi budaya dapat disampaikan ke dalam TL	顺溜纸 (shun liu zhi) kertas replika wang emas dan perak sebagai pemujaan selamat dalam (31)
3.	Konsep budaya SL dapat diungkapkan kembali dalam TL	顺溜纸 (shun liu zhi) kertas replika wang emas dan perak sebagai pemujaan selamat dalam (31), 俗缘 (su yuan) urusan dunia sekular dalam (32), 头香 (tou xiang) colok yang pertama dalam (33), 土克水, 金克木, 火克金, 水克火, 木克土 (tu ke shui, jin ke mu, huo ke jin, shui ke huo, mu ke tu) unsur tanah mengatasi air, unsur emas mengatasi kayu, unsur api mengatasi emas, unsur air mengatasi api, unsur kayu mengatasi tanah dalam (34)
4.	Konotasi SL dapat disampaikan	俗缘 (su yuan) urusan dunia sekular dalam (32)
5.	Makna fizikal SL dapat diungkapkan kembali dalam TL	头香 (tou xiang) colok yang pertama dalam (33), 昨夜灯花报, 今早喜鹊噪, 不想却是贵兄来 (zuo ye deng hua bao, jin zao xi que zao, bu xiang que shi gui xiong lai) Semalam bunga cahaya pelita membawa alamat, pagi ini murai berkicau mendatangkan khabar. Rupa-rupanya abang yang mulia ini datang bertandang dalam (35), 饿文 (e wen) garis lapar dalam (36), 黑气 (hei qi) gas hitam dalam (37), 老子今世不能报答, 后世做驴做马, 报答押司 (lao zi jin shi bu neng bao da, hou shi zuo lv zuo ma, bao da ya si). Nampaknya aku tak mampu membalas budi tuan sepanjang hidup aku kali ini, maka dalam hidup aku seterusnya, aku rela menjadi keldai atau kuda semata-mata nak membalas budi tuan! dalam (38), 灵光 (ling guang) pancaran cahaya dari roh dalam (39), 兵马防备团练 (bing ma fang bei tuan lian) para pegawai tinggi kerajaan dalam (40)
6.	Makna konteks TL menepati makna SL	头香 (tou xiang) colok yang pertama dalam (33), 土克水, 金克木, 火克金, 水克火, 木克土 (tu ke shui, jin ke mu, huo ke jin, shui ke huo, mu ke tu)

(bersambung)





JADUAL 12 (sambungan)

*unsur tanah mengatasi air, unsur emas mengatasi kayu, unsur api mengatasi emas, unsur air mengatasi api, unsur kayu mengatasi tanah dalam (34), 老子今世不能报答, 世做驴做马, 报答押司 (Lao zi jin shi bu neng bao da, hou shi zuo lv zuo ma, bao da ya si). Nampaknya aku tak mampu membalas budi tuan sepanjang hidup aku kali ini, maka dalam hidup aku seterusnya, aku rela menjadi keldai atau kuda semata-mata nak membalas budi tuan! dalam (38)*

bahasa sumber yang dapat disampaikan dalam bahasa sasaran melalui penghuraian yang panjang lebar juga kes boleh terjemah. Ketiga, apabila makna fizikalnya sahaja (tanpa makna leksikalnya dan makna fungsi budayanya) sudah dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran ia sudah diamati sebagai boleh terjemah. Ternyata ia berlawanan dengan definisi kebolehterjemahan pada awal makalah ini. Selanjutnya dalam Jadual 13 sudah ditunjukkan alasan serta contoh-contoh kesnya yang dikemukakan oleh penilai kedua tentang aspek budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep yang tak boleh terjemah.

Ketiga-tiga alasan daripada penilai kedua itu sama dengan dapatan kajian penulis.

#### AMATAN PENILAI KEDUA TENTANG KEBOLEHTERJEMAHAN BUDAYA GERAK ISYARAT DAN AMALAN


Pengamatan penilai kedua dan dapatan penelitian kami tentang kebolehterjemahan budaya gerak isyarat dan amalan sudah ditunjukkan dalam Jadual 14.

Jadual 14 menunjukkan majoriti penilai kedua mendapati bentuk budaya gerak isyarat dan amalan BMn adalah boleh terjemah kepada BM. Lima belas orang penilai kedua mendapati bentuk budaya jenis ini adalah boleh terjemah, manakala enam orang penilai kedua lain berpendapat bentuk budaya jenis ini tak boleh terjemah. Daripada sepuluh butiran budaya jenis ini, tujuh butiran (70%) dianggap boleh terjemah, manakala yang selebihnya, iaitu tiga butiran (30%) adalah tak boleh terjemah. Nisbah antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang aspek budaya jenis ini yang boleh terjemah ialah 1:0.03, dan nisbah antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang aspek budaya jenis ini yang tak boleh terjemah ialah 1:0.10. Perbezaan antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan bentuk budaya jenis ini dalam terjemahan BMn-BM sudah ditunjukkan dalam Rajah 5:



JADUAL 13 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep yang Tak Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep
1.	Fungsi kata budaya tidak dapat disampaikan dalam TL	顺溜纸 (shun liu zhi) kertas replika wang emas dan perak sebagai pemujaan selamat dalam (31), 昨夜灯花报, 今早喜鹊噪, 不想却是贵兄来 (zuo ye deng hua bao, jin zao xi que zao, bu xiang que shi gui xiong lai) Semalam bunga cahaya pelita membawa alamat, pagi ini murai berkicau mendatangkan khabar. Rupa-rupanya abang yang mulia ini datang bertandang dalam (35), 饿文 (e wen) garis lapar dalam (36)
2.	Konsep budaya SL tidak wujud dalam TL	俗缘 (su yuan) urusan dunia sekular dalam (32), 土克水, 金克木, 火克金, 水克火, 木克土 (tu ke shui, jin ke mu, huo ke jin, shui ke huo, mu ke tu) unsur tanah mengatasi air, unsur emas mengatasi kayu, unsur api mengatasi emas, unsur air mengatasi tanah dalam (34), 灵光 (ling guang) pancaran cahaya dari roh dalam (39), 兵马防备团练 (bing ma fang bei tuan lian) para pegawai tinggi kerajaan dalam (40)
3.	Kata budaya mempunyai makna konotasi	俗缘 (su yuan) urusan dunia sekular dalam (32), 饿文 (e wen) garis lapar dalam (36), 黑气 (hei qi) gas hitam dalam (37), 老子今世不能报答, 后世做驴做马, 报答押司 (lao zi jin shi bu neng bao da, hou shi zuo lv zuo ma, bao da ya si). Nampaknya aku tak mampu membalas budi tuan sepanjang hidup aku kali ini, maka dalam hidup aku seterusnya, aku rela menjadi keldai atau kuda semata-mata nak membalas budi tuan! dalam (38), 灵光 (ling guang) pancaran cahaya dari roh dalam (39)



RAJAH 5 Perbandingan antara Dapatkan Kajian Penulis Kedua dengan Amatan Penilai tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Gerak Isyarat dan Amalan



JADUAL 14 Perbandingan antara Dapatan Kajian Penulis dengan Amatan Penilai tentang Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Amalan

Bil.	Teks Sumber	Transliterasi	Teks Sasaran	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah	Dapatan Penulis Boleh Terjemah	Penilai Kedua Boleh Terjemah
41.	且将酒来，我与丈人回敬。答	qie jiang jiu lai, wo yu zhang ren hui jing. tu tadi.	Ambil arak, biar aku membalas hidangan arak tuk tadi.	√	17	√	4
42.	长老见说，这个因缘是光辉老僧山门，容易，且请拜茶。】	Chang lao jian shuo, da dao: zhe ge yin yuan shi guang hui lao seng shan men, rong yi rong yi, qie qing bai cha.	Lepas mendengar rayuan itu, ketua biara pun membalas, "Hal ini pasti akan menyenangkan biara ini. Mudah saja dijalankan. Silalah <i>minum teh</i> dahulu."	√	15	√	6
43.	真人慌忙速道：【太尉不可撼动，恐有利害...。】	Zhen ren huang mang jian dao: tai wei bu ke jue dong, kong you li hai....	Dengan tergesa-gesa, Mahaguru Tao terpaksa memberi nasihat, "Marsyal! Harap jangan mengorek tempat ini, takut kalau-kalau ada kejadian buruk berlaku."	√	16	√	5
44.	...连忙叫小厮磨了一碗墨汁....	...lian mang jiao xiao si mo le yi wan mo zhi....	...dia bergegas untuk menyuruh budaknya menyedatkan tinta hitam.	√	13	√	8

(bersambung)

JADUAL 14 (sambungan)

45.	张顺魂 来, 与兄 长托梦。	Zhang shun hun lai, yu xiong zhang tuo meng.	Tentunya Zhang Shun terbunuh barulah rohnya <i>muncul dalam mimpi</i> abang.	13	√	8
46.	...你却不知他只有 这个女儿... 养老送终, 承祀香火...	...ni que bu zhi ta zhi you zhe ge nv er... yang lao song zhong, cheng si xiang huo....	Tempat dia boleh bergantung hidup kelak, tambahan pula anak itu juga diharapkan dapat <i>beranak cucu</i> kelak.	12	√	9
47.	酒保下去, 随即 烫酒上来...	jiu bao xia qu, sui ji tang jiu shang lai....	Pelayan itu pun turun. Tidak lama kemudian, dia datang dan <i>menghidangkan</i> arak yang telah dipesan....	13	√	8
48.	...是江湖 上使枪棒 卖药的教头... yao de jiao tou...	...shi jiang hu shang shi qiang bang mai yao de jiao tou....	...sebenarnya dialah ketua pelatih askar ...yang mencari nafkah dengan cara menjual ubat-ubatan sambil <i>bermain</i> tombak.	16	√	5
49.	高球只得 叩头谢罪... ...jiao zhuang ke qu xian li cuo yao...	Gao Qiu zhi dei kou tou xie zui....	Akhirnya terpaksa Gao Qiu <i>menyembah sujud</i> meminta ampun....	20	√	1
50.	...叫庄客 去县里握 药... Jumlah	...jiao zhuang ke qu xian li cuo yao... Jumlah	...suruh buruh pergi ke pekan supaya <i>membeli</i> sedikit ubat... Jumlah	4	√	9
				147/210×21 =15 orang	6	63/210×21 =6 orang
				147/210×10 =7 butiran		63/210×10 =3 butiran





Penilai kedua telah memberi banyak alasan yang berlainan untuk menyokong amatan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15.

JADUAL 15 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Gerak Isyarat dan Amalan yang Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Gerak Isyarat dan Amalan
1.	Konsep budaya SL dapat disampaikan dalam TL	回敬 (hui jing) <i>membalas hidangan arak</i> dalam (41), 拜茶 (bai cha) <i>minum teh</i> dalam (42), 谏 (jian) <i>memberi nasihat</i> dalam (43), 使 (shi) <i>bermain</i> dalam (48)
2.	Konteks TL menepati makna SL	回敬 (hui jing) <i>membalas hidangan arak</i> dalam (41), 托梦 (tuo meng) <i>muncul dalam mimpi</i> dalam (45), 承祀 (cheng si) <i>beranak cucu</i> dalam (46), 使 (shi) <i>bermain</i> dalam (48), 叩 (kou) <i>menyembah sujud</i> dalam (49)
3.	Makna fizikal kata budaya dapat diungkapkan kembali	拜茶 (bai cha) <i>minum teh</i> dalam (42), 谏 (jian) <i>memberi nasihat</i> dalam (43), 磨 (mo) <i>menyediakan</i> dalam (44), 烫 (tang) <i>menghidangkan</i> dalam (47), 使 (shi) <i>bermain</i> dalam (48), 叩 (kou) <i>menyembah sujud</i> dalam (49), 撮 (cuo) <i>membeli</i> dalam (50)
4.	Makna budaya SL dapat disampaikan dalam TL	回敬 (hui jing) <i>membalas hidangan arak</i> dalam (41), 谏 (jian) <i>memberi nasihat</i> dalam (43), 承祀 (cheng si) <i>beranak cucu</i> dalam (46), 使 (shi) <i>bermain</i> dalam (48)
5.	Fungsi kata budaya dapat disampaikan dalam TL	磨 (mo) <i>menyediakan</i> dalam (44), 托梦 (tuo meng) <i>muncul dalam mimpi</i> dalam (45), 叩 (kou) <i>menyembah sujud</i> dalam (49), 撮 (cuo) <i>membeli</i> dalam (50)

Alasan tentang penterjemahan bentuk gerak isyarat dan amalan penilai kedua di atas tidak selaras dengan dapatan penelitian kami. Bagi mereka (a) apabila konsep, makna dan fungsi kata budaya BMn yang dapat disampaikan dalam BM dengan cara penghuraian yang panjang lebar bermaksud kata budaya BMn itu adalah boleh terjemah, (b) makna kata budaya BMn yang dapat disampaikan melalui makna konteks dalam BM juga bermakna kata budaya itu boleh terjemah dan (c) apabila mana-mana aspek makna fizikal/leksikal kata budaya dapat diterjemahkan, maka ia dianggap sudah boleh terjemah walaupun butiran berkaitan itu mempunyai makna fizikal/leksikal dan makna fungsi. Perbezaan definisi dan fahaman tentang kebolehterjemahan bentuk budaya ialah sebab utama perbezaan antara dapatan penelitian kami dengan amatan penilai kedua tentang kebolehterjemahan aspek budaya jenis ini daripada BMn kepada BM. Ini ditunjukkan dalam Jadual 16.



JADUAL 16 Alasan Penilai tentang Budaya Gerak Isyarat dan Amalan yang Tak Boleh Terjemah

Bil.	Alasan	Contoh Budaya Gerak Isyarat dan Amalan
1.	Makna konotasi SL tidak dapat disampaikan ke dalam TL	回敬 (hui jing) <i>membalas hidangan arak</i> dalam (41), 拜茶 (bai cha) <i>minum teh</i> dalam (42), 谏 (jian) <i>memberi nasihat</i> dalam (43), 托梦 (tuo) <i>meng muncul dalam mimpi</i> dalam (45), 承祀 (cheng si) <i>beranak cucu</i> dalam (46)
2.	Makna budaya SL tidak wujud dalam TL	回敬 (hui jing) <i>membalas hidangan arak</i> dalam (41), 拜茶 (bai cha) <i>minum teh</i> dalam (42), 磨 (mo) <i>menyediakan</i> dalam (44), 承祀 (cheng si) <i>beranak cucu</i> dalam (46), 烫 (tang) <i>menghidangkan</i> dalam (47), 使 (shi) <i>bermain</i> dalam (48), 撮 (cuo) <i>membeli</i> dalam (50)
3.	Makna leksikal kata budaya SL sahaja yang dapat diungkapkan dalam TL	烫 (tang) <i>menghidangkan</i> dalam (47), 撮 (cuo) <i>membeli</i> dalam (50)
4.	Konsep kata budaya SL berbeza dengan konsep kata budaya TL	撮 (cuo) <i>membeli</i> dalam (50)

Alasan yang diberi itu sama dengan dapatan penelitian kami.

## KESIMPULAN

Perbezaan amatan dan kelainan teks terjemahan serta kesan kelainan terhadap mesej ialah perkara pokok dalam rencana ini. Kami dapati kelainan terjemahan timbul daripada perbezaan perspektif tentang definisi dan amatan kebolehterjemahan khususnya apabila ia diterapkan daripada aspek budaya BMn kepada BM. Ternyata bahawa pertimbangan hasil terjemahan daripada individu yang berlainan akan bersifat kelainan. Sebahagian besar perbezaan itu disebabkan pegangan tentang amatan penterjemahan dan definisi kebolehterjemahan. Dalam kajian ini, konsep kebolehterjemahan yang diikuti penilai kedua adalah lebih liberal daripada yang kami pegang dan dicatatkan definisinya di awal rencana ini. Selain itu, kami juga mendapati walaupun definisi kebolehterjemahan kami itu ketat, ia tidak pula menghasilkan output terjemahan yang mesejnya amnya begitu berbeza sekali daripada output terjemahan mengikut persepsi kebolehterjemahan oleh penilai kedua; yakni, perbezaan pada definisi ini tidak membawa kesan yang ketara dalam penyampaian mesej keseluruhan daripada



teks sumber BMn kepada teks sasaran BM. Penyelidikan ini juga menunjukkan anggapan kebolehterjemahan yang berbeza-beza pada penterjemahan yang berlainan. Bagi penilai kedua penjelasan dan penerangan tambahan pada nota kaki serta penjelasan konteks yang mengiringi atau terkandung dalam teks sasaran telah dianggap sebagai kaedah yang dapat meninggikan dan memfasilitasikan lagi darjah kebolehterjemahan sesuatu bentuk budaya daripada BMn kepada BM.

NOTA

1. Kaedah kuantitatif biasa tidak digunakan kerana populasi yang ditinjau terlalu kecil atas kekangan ...hanya pelajar yang mahir dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu sahaja yang layak mengambil bahagian. Populasi payah ditambah kerana golongan yang mahir kedua-dua bahasa sukar dicari.

RUJUKAN

- Bassnett, Susan. 1980. *Translation Studies*. Revised Edition (1991). London: Routledge.
- \_\_\_\_\_. 1998. *Constructing Cultures: Essays on Literary Translation*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd..
- Collins Cobuild English Dictionary for Advanced Learner*. 2001. Third Edition. Glasgow: Harper Collins Publishers.
- Da Lu Ban Ci Yuan (Xiu Ding Be) 2 Jilid, 大陆版辞源 (修订本) 二册*. 1989. Taipei: Tai Wan Shang Wu Yin Shu Guan Gu Fen You Xian Gong Si.
- House, Juliane. 1973. Of the Limits of Translatability. *Babel* 119(4): 166-167.
- Kamus Dewan*. Edisi Baru . 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Zui Xin Han Yu Da Ci Dian, 最新汉语大词典*. 1995. Kuala Lumpur: United Publishing House (M) Sdn. Bhd..
- Katz, J.J. & Fodor, J.A. 1963. The Structure of a Semantic Theory. *Language*, 39: 170-210.
- Katz, Jerrold. J. 1972. *Semantic Theory*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Larson, Mildred. L. 1984. *Meaning-Based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*. London: University Press of America.
- Lim Chuan Boon, Tan Lai Peng, Woo Tack Lok .2001. *Hikayat Pinggir Air Jilid I-IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- New Century Dictionary of Chinese Language & Culture, Chinese-English Edition*. 2001. Beijing: The Commercial Press.
- Newmark, Peter. 1988. *A Text Book of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Nord, Christiane. 1997. *Translating a Purposeful Activity- Functionalist Approches Explained*. Machester: St. Jerome Publishing.
- Shi Nai An 施耐庵. 1969. *Yi Bai Er Shi Hui De Shui Hu I-II 一百二十回的水浒上, 下*. Hong Kong: Shang Wu Yin Shu Guan Fen Guan.
- Shuo Zi Yi Shi Tan Wen Hua 说字释词谈文化 . Buku 1-4* .2000. Beijing: Bei Jing Yu Yan Wen Hua Da Xue Chu Ban She.
- Venuti, Lawrence. 1992. *The Translator's Invisibility: A History of Translation*. London: Routledge.



- \_\_\_\_\_. 1995. *The Scandals of Translation: Towards an Ethics of Difference*. London: Routledge.
- Ye Zi Nan 叶子南. 2000. *Ying Han Fan Yi Li Lun yu Shi Jian*. 英汉翻译理论与实践. Taipei: Shu Lin Chu Ban You Xian Gong Si.

Goh Sang Seong, PhD  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti sains Malaysia, Pulau Pinang,  
11800, Penang,  
Malaysia.

E-mail: [gohss@usm.my](mailto:gohss@usm.my)

Mashudi Kader, PhD  
International Institute for Asian Studies (IIAS),  
and Department of Languages and Cultures of Southeast Asia and Oceania,  
Universiteit Leiden,  
The Netherlands.

Emel: [mkaderalwiah@yahoo.com](mailto:mkaderalwiah@yahoo.com)

